

SINAR HARIAN

DATE: 01/04 / 2008

Dr Mahathir tiada niat jadi Presiden, namun terus bersuara

KUALA LUMPUR - "Saya tidak ada niat hendak menjadi Presiden UMNO (sekali lagi) atau Perdana Menteri (untuk kali kedua), tetapi sebagai ahli UMNO dan rakyat Malaysia saya berhak bersuara," kata Tun Dr Mahathir Mohamad semalam.

Bagaimanapun, kata bekas Perdana Menteri, beliau akan hanya bersuara apabila diundang menghadiri sesuatu majlis untuk berucap dan tidak akan menjalankan kempen bersendirian untuk

menyuarakan pendapatnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis 'Fikir-Fikir bersama Mahathir' anjuran UMNO cawangan Pusat Bandar Taman Cempaka, Bahagian Pandan di sini semalam.

Dr Mahathir menjawab soalan pemberita yang bertanya sehingga bila beliau akan terus menyuarakan apa yang difikirkan perlu ditegur.

Sinar Harian - 7/4/2008

Ditanya perlunya Dr Mahathir dan Tengku Razaleigh Hamzah bercakap secara beradab mengenai isu UMNO, beliau berkata: "Saya akan berhenti, saya akan berhenti. Secara jujur saya akan berhenti jika mereka akan berhenti melakukan apa yang salah yang telah menyebabkan UMNO mempamerkan prestasi buruk pada pilihan raya umum baru-baru ini."